

Panda beri imej yang perlu dihayati



Feng Yi



Fu Wa



Inilah kediaman baharu pasangan panda yang dibina khas.

■ ANITA ABU HASAN

PASANGAN panda yang dipinjamkan menerusi Program Perjanjian Kerjasama Pemuliharaan Antarabangsa Panda Gergasi Malaysia-China nampaknya sudah boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran baharunya di Zoo Negara.

Berdasarkan pemerhatian penulis, panda jantan Fu Wa dan panda betina Feng Yi dari Chengdu, China itu dilihat sedemikian memandangkan mereka langsung tidak menunjukkan keresahan melihat orang awam.

Kedua-duanya nampak sihat, selesa dan rileks di kediaman baharu yang sememangnya cantik dan sesuai untuk haiwan berkenaan sebagai simbolik jalinan hubungan diplomatik 40 tahun antara Malaysia dan China itu.

Pasangan panda gergasi itu akan berada di Malaysia selama 10 tahun dan melalui program dimeterai pada 2012 berkenaan, Malaysia berpeluang menjalankan penyelidikan pemuliharaan panda gergasi selain membangun dan melatih pakar dalam bidang itu.

Sebagai simbol diplomasi, sudah pasti haiwan berkenaan perlu selesa.

Berdasarkan pemerhatian penulis, sememangnya Fu Wa dan Feng Yi mendapat keselesaan itu. Mana tidaknya, sewaktu mengunjunginya Sabtu lalu, agak lucu melihat gaya kedua-duanya berehat. Pasangan itu terbaring dengan gaya tersendiri dan kelihatan sangat comel.

Dari pandangan luar, kediamannya yang bernilai jutaan ringgit itu nampak tersergam cantik dan sangat selesa dengan warnanya yang kehijauan. Sekelilingnya ditanam pohon-pohon buluh segar menghijau membawa simbolik ketenangan alam semula jadi yang mungkin membawa maksud tersirat hubungan damai dua hala antara Malaysia dan China.

Bagi sudut dalaman iaitu kediaman panda itu sendiri dihiasi batu-batu besar dan pokok-pokok yang sangat sesuai menjadi tempat perbaringan, berehat dan mungkin sahaja tempat bermain pasangan panda berkenaan.

Selain itu, pencahayaan dalam bangunan juga amat sesuai selain dilengkapi kemudahan asas seperti alat penghawa dingin.

Tidak keterlaluan, selain sangat selesa kepada



Penulis berpeluang melihat Feng Yi secara dekat, Sabtu lalu.

panda, ia juga selesa untuk pengunjung zoo.

Abadikan kenangan

Selain melawat panda, pengunjung zoo juga boleh singgah membeli barangan cenderamata berbentuk panda di kedai khas panda di penghujung kediamannya.

Jika lapar selepas melawat panda, anda juga boleh bersantai atau menikmati juadah di kafe panda yang turut disediakan dalam kediaman haiwan itu. Ada pau panda!

Setakat ini, serba serbi lengkap yang pastinya bukan sahaja demi keselesaan si panda bahkan pengunjung zoo. Banyak info panda juga disediakan di dalam kediamannya untuk bacaan pengunjung termasuk kisah dongeng mengenai haiwan tersebut.

Mungkin pada awalnya, kehadiran panda ini dipandang sinis berikutan ketibaannya pada saat rakyat gusar dengan tragedi pesawat MH370, dan ketika ekonomi sedang merudum, namun yang pasti kedatangan Fu Wa dan Feng Yi adalah sesuatu yang baharu.

Ia sebenarnya membawa maksud tersirat lebih dalam jika difikirkan semula. Terokailah maksud itu dan mereka di- khabarkan akan memperoleh nama baharu hari ini.

Ayuh jangan lepaskan peluang melihat mamalia comel ini dan pada masa sama pujian harus diberi kepada pihak pengurusan zoo yang nampaknya cekap menguruskan haiwan penuh makna ini.



Comel...panda jantan, Fu Wa berehat sambil memeluk batu.



Kedai cenderamata panda.



Bersantai sambil menikmati juadah di kafe panda.

INFO

- Panda merupakan haiwan jenis mamalia yang sedang berdepan dengan ancaman kepupusan.
- Difahamkan hanya kurang daripada 1,600 ekor panda yang masih hidup dalam habitat liar dan jumlah itu terus menurun kerana penerokaan hutan.
- Tempoh mengawan panda jantan lebih panjang berbanding panda betina.

(Sumber: Internet)